



ULASAN BUKU NIZAM YATIM

ICT sampaikan mesej Islam

PELBAGAI topik menarik telah dikupas dalam buku ini yang sesuai dibaca setiap lapisan masyarakat terutama yang ingin mempelajari kaedah terbaik menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi menyampaikan mesej Islam.

Buku ini mempunyai sembilan bab dengan pelbagai topik yang ditulis oleh 13 ahli akademik, tokoh agama dan penyelidik.

Penggunaan ICT selaras dengan apa yang disebut oleh Saidina Umar Al-Khattab: "Ajarlah anak-anakmu dengan ilmu semasa. Sesungguhnya mereka dicipta di suatu zaman yang bukan lagi zamanmu."

Golongan pendakwah yang menggunakan teknologi terasulok ICT bagi tujuan penyampaian dakwah Islam digelar dengan istilah teknodaie. Istilah ini telah diperkenalkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) sejak 1999 hasil daripada beberapa siri perbincangan, bengkel dan seminar yang telah dianjurkan sebelum itu.

Teknodaie tidak hanya merujuk kepada individu tetapi kepada sekumpulan orang yang mempunyai pengetahuan dalam bidang berbeza seperti agama dan teknikal tetapi mempunyai matlamat sama untuk menegakkan syiar Islam.

Pegawai penyelidik IKIM, Norkumala Awang dalam salah satu bab buku berkenaan, menyifatkan umat Islam kini lebih kepada menjadi pengguna kepada teknologi ICT dan bukannya pencipta peralatan dan kandungan yang terdapat dalamnya.

Sehubungan itu, beliau menyarankan supaya umat Islam mewujudkan syarikat bertaraf dunia yang berperanan membina teknologi baharu ICT yang lebih canggih daripada yang ada sekarang.

Tegas beliau, para teknodaie juga perlu meraih peluang yang ditawarkan ICT dengan menjadi pemain utama dalam penghasilan perisian alternatif dan bukan sekadar menjadi pengguna utama yang terpaksa menggunakan apa sahaja bahan yang tersedia.

"Keperluan animasi, multimedia dan perfileman yang mampu menarik minat pelbagai lapisan masyarakat dan juga golongan bukan Islam perlu dipandang oleh teknodaie sebagai peluang untuk turun padang dalam menyampaikan dakwah Islamiah.

"Penghasilan buku elektronik dari kitab-kitab muktabar dapat menambahkan khazanah ilmu.

"Penulisan cerpen dan novel yang mengadaptasikan elemen dakwah juga perlu digunakan oleh teknodaie sebagai ruang mendekatkan diri dengan masyarakat," tulis beliau.

Naib Yang Dipertua Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim), Datuk Mohd. Nakhaie Ahmad pula menyifatkan cadangan sesetengah pihak untuk menggunakan ICT bagi memperkasakan masjid hanya akan menjadi angan-angan jika mereka tidak serius untuk melaksanakannya.

Menurut beliau, antara yang boleh dilakukan ialah menjadikan masjid pusat pengedaran produk multimedia dan mewujudkan perpustakaan dengan peralatan ICT yang akan membolehkan maklumat tentang ilmu Islam diakses secara digital.

"Bagi menarik kanakkanak dan remaja ke masjid, kelas celik komputer juga boleh diadakan di situ.

"Ini secara tidak langsung dapat menghentikan peminggiran masjid secara halus yang dimulakan sejak zaman penjajahan Inggeris lagi.

"Inggeris telah meluluskan kawasan untuk pembinaan masjid bersekali dengan tanah kubur, setelah penjajah itu menyedari orang Melayu takutkan hantu. Dengan cara ini, orang Melayu takut untuk ke masjid, melainkan hanya pada hari Jumaat," tulisnya.

Dalam pada itu, Pengarah Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik IKIM, Mohd.

Farid Mohd. Shahrani pula menulis, keperluan untuk menggunakan ICT adalah cukup penting dalam memberikan hujahan balas kepada golongan penentang Islam yang turut menggunakan teknologi sama.

"Kaedah menyerang menggunakan senjata musuh telah dilakukan tokoh ilmuwan besar Islam seperti Imam Abu Hasan al-Ash'ari yang menggempur pemikiran Mukhtalifah dengan senjata akal dan Abu Hamid al-Ghazali menyerang pemikiran ahli falsafah menggunakan kaedah mantik," jelasnya.

Sementara itu, Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Profesor Dr. Zulkiple Abd. Ghani menegaskan, pendakwah tidak boleh mengelak daripada menggunakan ICT kerana ia

digunakan secara intensif oleh golongan liberal yang menyebarkan fahaman yang boleh mengelirukan umat Islam.

"Contohnya, Jaringan Islam Liberal (JIL) di Indonesia yang sudah tentu tidak wujud tanpa kemudahan Internet.

"Dalam tempoh lebih sedekad sejak awal tahun 1990-an, kelompok marginal umat Islam ini turut sama melibatkan diri secara aktif dalam ICT, malah mengangap peluang telah terbuka luas setelah sekian lama terkongkong di bawah kawalan pihak berkuasa," tulisnya.



info

- > Judul: **Memperkasakan Peranan Teknodaie Cabaran dalam Pembangunan dan Penggunaan ICT**
- > Penyunting: **Nor Azaruddin Husni Nuruddin dan Shaikh Mohd. Saifuddeen Shaikh Mohd. Salleh**
- > Jumlah halaman: **146 muka surat**
- > Tahun terbitan: **2015**
- > ISBN: **978-983-2636-69-4**
- > Penerbit: **Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)**
- > Harga: **RM25**